

Pemprofilan Bakat Keusahawanan dalam Kalangan Peserta Program Perkhemahan Cuti Sekolah Kolej PERMATA Insan, USIM

Iman Hannah Aidil 'Arizam, Hajar Mohd Hamidi, Rossidi Usop¹

¹ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Correspondent author: rossidi@usim.edu.my

ABSTRAK

Sesebuah negara akan makmur ekonominya apabila aktiviti keusahawanan hidup subur. Kesuburan ekonomi sesebuah negara banyak bergantung kepada jumlah syarikat dan perniagaan yang didaftarkan. Mengambil contoh negara-negara maju seperti Hungary, Finland, New Zealand, Sweden, Itali dan Amerika Syarikat mempunyai kadar pendaftaran syarikat dan perniagaan baharu yang begitu tinggi saban tahun. Justeru, langkah awal bagi melatih kemahiran keusahawanan khususnya kepada pelajar sekolah rendah dilihat sangat mendesak berikutan pembentukan psikologi, karakter, cara fikir, jati diri bahkan cita-cita mereka sedang dibentuk pada skala waktu semasa mereka di alam kanak-kanak kerana minat terhadap keusahawanan dapat dilihat di dalam diri seseorang sejak dari kecil lagi. Menurut Kourilsky (1980) beliau mendapati bahawa 25 peratus daripada pelajar sekolah rendah menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang sangat penting. Kegagalan penekanan kepada pendidikan formal bagi melatih kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar dilihat tidak bermula seawal di sekolah rendah (Rossidi Usop, 2023). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tanda-tanda awal bakat keusahawanan dalam diri pelajar sekolah rendah. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis hubungan antara pendidikan formal dan bakat keusahawanan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di mana sebanyak 14 orang responden yang mengikuti Modul 'Youngpreneurs'. Kesemua responden berumur antara 8 hingga 12 tahun yang telah diminta untuk menjawab sebuah survey mengenai kecenderungan mereka terhadap keusahawanan. Data dianalisis bagi mengenal pasti tema kajian bertujuan untuk menjawab persoalan kajian. Kesahan data dilakukan secara triangulasi pelbagai sumber data dan juga semakan rakan. Dapatan kajian ini menunjukkan hubungan positif responden kajian dengan bakat keusahawanan. Kajian ini menghasilkan dapatan baharu dalam aspek bakat keusahawanan dalam kalangan peserta-peserta PPCS. Hasil kajian ini membawa kepada implikasi teoretikal melalui perkembangan bakat terhadap tahap motivasi responden PPCS di Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kata kunci: ciri-ciri keusahawanan, bakat keusahawanan, pelajar sekolah rendah, Kolej PERMATA Insan, USIM

PENDAHULUAN

Bidang keusahawanan pada zaman kini lebih meluas dari semasa ke semasa. Ramai orang membuka perniagaan sama ada secara kecil-kecilan atau bersyarikat. Kebanyakan daripada mereka adalah daripada kalangan orang yang menganggur serta yang menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Ia merupakan pilihan kerjaya yang digemari oleh generasi muda khususnya di negara maju (Ling et al., 2022). Bukan sahaja yang menganggur, malah yang berkerjaya seperti guru, doktor, peguam serta yang lain juga turut menjadikan perniagaan sebagai kerja sampingan untuk menambah rezeki.

Barjoyai (2000), berpendapat bahawa keperibadian seorang usahawan terdiri daripada pelbagai sifat seperti keyakinan diri, empati, tumpuan kepada tugas dan hasil, orientasi masa depan, kesediaan mengambil risiko, kebolehan membuat keputusan, kepakaran dalam

merancang dan mengurus, ketulenan, dan penguasaan dalam operasi perniagaan. Abu Bakar (2006) pula menyenaraikan beberapa ciri keusahawanan seperti berpandangan jauh, ketabahan, berwawasan, kreativiti, sifat proaktif, ketahanan, semangat, tanggungjawab, keberanian, dan kebebasan.

Manakala, Ab Aziz (2010) menyenaraikan lapan ciri-ciri usahawan, termasuk bersedia untuk memimpin, cenderung menganalisis situasi, mempunyai misi, wawasan, dan matlamat yang jelas, bersedia merebut peluang, bersifat kreatif dan inovatif, yakin terhadap keupayaan diri, serta mampu merancang, memimpin, dan mengawal aktiviti perniagaan. Sementara itu, menurut Rossidi (2023), sikap positif terhadap pembudayaan keusahawanan membentuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada kualiti atau sifat yang sepatutnya dimiliki oleh seorang usahawan yang mempengaruhi cara mereka bertindak, bagaimana mereka berurusan dengan orang lain, dan sejauh mana mereka bersedia mengambil risiko serta menghadapi ketidakpastian.

Tidak dinafikan, ramai usahawan tempatan yang berjaya dan terkenal di Malaysia. Namun, tiada lagi usahawan di Malaysia yang berjaya di peringkat antarabangsa setaraf Steve Jobs dan Bill Gates. Mereka adalah antara contoh tokoh-tokoh yang terbukti memiliki bakat keusahawanan. Contoh yang lain termasuklah Mark Zuckerberg dan Michael Dell. Bakat keusahawanan seperti mereka hendaklah dicari dari muda lagi supaya mudah dibentuk untuk menjadi seorang usahawan yang sukses di seluruh dunia kelak. Bakat keusahawanan ini selalunya terdapat dalam kalangan orang yang berinovatif. Hal ini adalah kerana suatu bakat banyak berkait dengan inovasi (Shavinina, 2013).

Pembelajaran tentang perniagaan boleh dilakukan secara formal dan tidak formal. Keduanya boleh membentuk kefahaman seseorang dalam bidang ini. Pendidikan perniagaan secara formal yang kebiasaannya terdapat di sekolah menengah dan universiti menyediakan pendekatan yang lebih sistematik. Pelajar banyak didedahkan kepada teori-teori perniagaan, kajian kes, dan kerangka kerja yang meliputi bidang seperti pengurusan, kewangan, pemasaran, dan keusahawanan. Persekitaran seperti itu membentuk pelajar untuk membina asas kemahiran pemikiran kritikal dan membuat keputusan yang terbaik dalam perniagaan. Ia demikian berbeza dengan pembelajaran secara tidak formal. Pembelajaran secara tidak formal boleh didapati melalui pengalaman seperti menjalankan perniagaan kecil, mempelajari serba-serbi daripada perniagaan keluarga atau hanya dengan memerhati perniagaan-perniagaan yang dijalankan di persekitaran. Pembelajaran seperti ini juga boleh dikatakan efisien kerana ia lebih praktikal dan membolehkan seseorang mengembangkan kebolehsuaian dengan persekitaran.

Namun begitu, pelajar sekolah rendah sukar untuk mendapatkan pendedahan tentang konsep perniagaan ini dalam pembelajaran awal mereka. Akademik pada tahap mereka lebih memfokuskan mata pelajaran asas seperti matematik, sains serta bahasa justeru memberikan ruang yang kecil kepada mereka untuk mendalami bidang keusahawanan dan asas perniagaan. Kesannya, ramai pelajar sekolah rendah tidak mempunyai peluang untuk membentuk minat awal terutamanya mengenai bagaimana sesebuah perniagaan dijalankan atau pemahaman asas tentang pengurusan wang yang boleh mencetuskan kreativiti dan inovasi dalam minda pelajar.

Oleh itu, kajian ini menyasarkan peserta Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS) yang merupakan program kepada murid pintar berbakat Muslim yang berumur 8 hingga 11 tahun yang masih bersekolah di sekolah rendah. Pelajar-pelajar tersebut mempunyai IQ 130 dan ke atas. Pelajar sekolah rendah telah dipilih kerana menurut (Boon & Bohari, n.d.), pada peringkat ini, mereka perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan penerapan nilai-nilai dan ciri-ciri seorang usahawan supaya timbul kesedaran dan minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini adalah bertujuan untuk: i) mengenal pasti tanda-tanda awal bakat keusahawanan dalam diri pelajar, ii) menganalisis fokus umum dalam bakat keusahawanan, dan iii) mengenal pasti hubungan antara pendidikan formal dan bakat keusahawanan.

Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS)

Kolej PERMATA Insan mempunyai cara yang tersendiri bagi memilih pengambilan murid baharu dengan menawarkan Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS) untuk pelajar berumur 8 hingga 11 tahun (pra kolej) yang telah lulus Ujian Kepintaran Murid 1 (UKM1) dan Ujian Kepintaran Murid 2 (UKM2). Program perkhemahan ini lazimnya dijalankan selama dua minggu semasa musim cuti sekolah pada hujung tahun. Pelajar yang berumur 12 tahun pula, mereka akan ditawarkan program Mukhayyam Al Abrar selama 3 hari iaitu ujian saringan bagi kemasukan baru untuk tahun berikutnya. Mereka juga tidak terkecuali keperluannya untuk melepasi UKM1 dan UKM2.

Ujian Kepintaran Murid 1 (UKM1) adalah ujian di atas talian sahaja yang mula dibuka akses pada 1 Februari hingga 31 Mei pada setiap tahun. Murid bebas mengakses ujian di rumah atau di mana-mana tempat yang mempunyai capaian internet. Murid kemudiannya akan ditawarkan Ujian Kepintaran Murid 2 (UKM2) jika melepasi UKM1. Ujian kedua ini juga merupakan ujian di atas talian yang diadakan secara terkawal. Murid akan diminta untuk pergi ke pusat-pusat ujian yang terpilih di setiap negeri untuk menjawab ujian tersebut.

Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS) merupakan program kepada murid pintar berbakat Muslim yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar supaya mengembangkan bakat dan potensi mereka terutama sekali dalam bidang STEM (*Science, Technology, Engineering, Mathematic*). Terdapat beberapa syarat bagi menyertai program ini iaitu ia dibuka kepada murid yang beragama Islam sahaja dan murid perlulah berusia antara 8 hingga 11 tahun (tahun 2 - tahun 5) pada tahun semasa. Murid didedahkan dengan pelbagai modul yang diajarkan sepanjang program ini iaitu modul Al-Quran, modul Insaniah dan modul Bahasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang bertujuan untuk mengumpulkan data daripada sejumlah responden. Seramai 14 orang responden daripada peserta modul Youngpreneur PPCS telah menjawab soal selidik dan kesemua responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah rendah yang berumur antara 8 hingga 12 tahun yang juga merangkumi pelbagai latar belakang akademik dan sosio-ekonomi. Instrumen kajian berupa soal selidik telah digunakan sebagai alat utama pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada 20 soalan dan ia telah dihantar kepada responden menggunakan platform Google

Form, satu kaedah dalam talian yang mudah dan berkesan untuk memastikan penyertaan yang cepat serta mengumpulkan data dalam tempoh yang singkat. Keseluruhan proses pengedaran soal selidik dan pengumpulan data telah dijalankan semasa sesi pembelajaran modul Youngpreneur. Setelah semua data diperolehi, ia telah dikumpul dan dianalisis secara sistematik. Proses analisis ini menggunakan Microsoft Word.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Respon mengenai soal selidik

No.	Soalan	Amat tidak bersetuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Amat bersetuju
1.	Saya akan memberikan segala tumpuan ke atas kerja saya.	0%	7.1%	35.7%	28.6%	28.6%
2.	Saya akan mencari cara-cara untuk membuat kerja dengan lebih cepat.	0%	14.3%	14.3%	21.4%	50%
3.	Cara saya merancang kerja yang besar ialah dengan memecahkannya kepada kerja-kerja kecil.	14.3%	28.6%	42.9%	7.1%	7.1%
4.	Saya memikirkan penyelesaian yang unik untuk masalah-masalah yang dihadapi.	14.3%	28.6%	14.3%	35.7%	7.1%
5.	Saya memikirkan penyelesaian yang unik untuk masalah-masalah yang dihadapi.	7.1%	0%	14.3%	14.3%	64.3%
6.	Saya akan memberitahu pekerja saya apabila pekerjaan mereka tidak dibuat seperti yang dijangkakan.	28.6%	0%	35.7%	21.4%	14.3%
7.	Saya akan mendapatkan nasihat daripada orang yang tahu berkenaan dengan masalah yang sedang saya hadapi.	7.1%	14.3%	21.4%	21.4%	35.7%
8.	Saya memikirkan banyak idea-idea baharu.	0%	7.1%	50%	28.6%	14.3%
9.	Saya mempengaruhi orang lain tentang idea-idea saya.	7.1%	35.7%	28.6%	21.4%	7.1%
10.	Saya merasa tidak puas hati apabila saya tidak dapat apa yang saya kehendaki.	28.6%	7.1%	28.6%	7.1%	28.6%
11.	Saya mengenal pasti peluang-peluang membuat kerja-kerja baru.	7.1%	7.1%	28.6%	28.6%	28.6%
12.	Saya akan membuat apa saja untuk menyiapkan sesuatu kerja.	7.1%	21.4%	21.4%	14.3%	35.7%
13.	Saya merasa gelisah apabila masa terbuang begitu sahaja.	14.3%	0%	50%	14.3%	21.4%
14.	Bila saya telah memilih satu-satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah, saya tidak akan mengubah pendekatan itu dengan yang lain pula.	14.3%	14.3%	42.9%	28.6%	0%
15.	Apabila mencuba sesuatu yang rumit atau mencabar, saya merasa yakin yang saya akan berjaya.	7.1%	14.3%	14.3%	14.3%	50%

Samb. jadual

No.	Soalan	Amat tidak bersetuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Amat bersetuju
16.	Saya mencuba sesuatu yang baharu dan berlainan daripada apa yang pernah saya lakukan dahulu.	7.1%	7.1%	42.9%	21.4%	21.4%
17.	Saya mahu syarikat saya menjadi syarikat yang terbaik di dalam kategorinya.	14.3%	0%	14.3%	28.6%	42.9%
18.	Saya mendapat sepenuhnya faedah wang yang saya ada untuk melaksanakan sesuatu projek atau tugas.	0%	21.4%	21.4%	50%	7.1%
19.	Saya mengambil pendekatan yang logikal dan sistematik untuk sesuatu aktiviti.	0%	14.3%	21.4%	21.4%	42.9%
20.	Jikalau sesuatu pendekatan untuk mengatasi sesuatu masalah itu tidak berhasil, saya memikirkan suatu pendekatan yang lain pula.	7.1%	14.3%	21.4%	50%	7.1%

Berdasarkan Jadual 1;

“Saya akan memberikan segala tumpuan ke atas kerja saya”

Majoriti responden sama ada sangat bersetuju (35.7%) atau bersetuju (28.6%), menekankan pentingnya dedikasi dan fokus dalam keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa responden memiliki ciri-ciri yang diperlukan untuk berjaya dalam persekitaran keusahawanan yang kompetitif dan mencabar.

"Saya memikirkan penyelesaian yang unik untuk masalah-masalah yang dihadapi"

Dengan majoriti responden 78.6% bersetuju dan sangat bersetuju mempunyai kaitan yang signifikan dengan ciri-ciri keusahawanan. Keupayaan untuk berfikir secara kreatif dan menghasilkan penyelesaian yang asli adalah penting dalam keusahawanan. Kejayaan usahawan bergantung kepada keupayaan mereka untuk berinovasi dan mencari penyelesaian yang berkesan terhadap cabaran yang rumit dan tidak menentu yang sering mereka hadapi. Majoriti responden jelas memiliki sikap keusahawanan, yang melihat cabaran sebagai peluang untuk mencipta nilai melalui penyelesaian yang kreatif.

“Saya merasa tidak puas hati apabila saya tidak dapat apa yang saya kehendaki”

Apabila peratusan adalah sama, ini bermakna sebahagian besar responden bersetuju atau tidak bersetuju. Dalam kes ini, peratusan yang sama mungkin mewakili pandangan responden yang berbeza tetapi seimbang. Secara ringkas, penemuan ini mungkin menunjukkan bahawa responden mempunyai pelbagai perspektif mengenai isu yang dibincangkan, tanpa ada satu pandangan yang benar-benar dominan.

“Saya mengenal pasti peluang-peluang membuat kerja-kerja baru”

Seramai 57.2% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Salah satu kemahiran paling penting dalam keusahawanan adalah keupayaan untuk mengenal pasti peluang. Responden yang bersetuju dengan kenyataan ini mungkin menunjukkan bahawa mereka mempunyai potensi atau kecenderungan keusahawanan kerana mereka mampu mengenal pasti peluang untuk inovasi atau penambahbaikan. Individu yang mahir dalam melihat

peluang perniagaan baharu biasanya mempunyai pemikiran keusahawanan dan melihat cabaran sebagai peluang untuk menambah nilai.

“Jikalau sesuatu pendekatan untuk mengatasi sesuatu masalah itu tidak berhasil, saya memikirkan suatu pendekatan yang lain pula.”.

Data menunjukkan bahawa 50% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, yang menekankan kepentingan fleksibiliti dan kebolehan menukar pendekatan dalam keusahawanan. Kebolehan untuk menukar haluan dan mencuba taktik baru apabila satu strategi tidak berkesan adalah penting untuk kejayaan dalam dunia keusahawanan. Persetujuan tinggi ini mencerminkan bahawa ramai responden mempunyai pemikiran keusahawanan dan bersedia untuk berinovasi serta menyesuaikan diri ketika menghadapi kesukaran.

KESIMPULAN

Objektif kajian ini tercapai iaitu dapat mengenal pasti tanda-tanda awal bakat keusahawanan dalam diri pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan 14 responden dari peserta modul Youngpreneur PPCS, terdiri daripada pelajar sekolah rendah berumur 8 hingga 12 tahun dari pelbagai latar belakang. Data dikumpul melalui soal selidik yang mengandungi 20 soalan, dihantar menggunakan Google Form. Proses pengedaran soal selidik dan pengumpulan data dilakukan semasa sesi pembelajaran modul, dan data dianalisis secara sistematik menggunakan Microsoft Word. Daripada hasil kajian ini, kami mencadangkan supaya kajian yang akan datang menggunakan skop yang lebih besar agar dapat memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Ab Aziz Yusof. (2010). *Pengenalan Kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur. Pena Media Sdn Bhd.
- Abu Bakar Hamed. (2006). *Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boon, Y., & Bohari, S. (n.d.). *Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor*.
- Ling, L. S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>
- Rencana, M. (2023, September 8). Murid sekolah rendah lebih minat jadi usahawan? Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/09/murid-sekolah-rendah-lebih-minat-jadi-usahawan/>